

N) Gen, DNA dan Kromosom.

HURAIAN		GEN / DNA / KROMOSOM / NUKLEUS / GENETIK
1.	Kajian mengenai gen, pewarisan dan variasi dalam organisma.	
2.	Ia mengandungi kromosom.	
3.	Ia merupakan unit asas pewarisan yang menentukan ciri-ciri individu.	
4.	Ia terdiri daripada dua rantai polinukleotida yang berpintal dan antiselari.	
5.	Ia merupakan struktur bebenang halus yang terdiri daripada asid nukleik dan protein.	
6.	Ia tersusun sebagai segmen pada DNA.	
7.	Ia terdiri daripada struktur rantai yang dikenali heliks ganda dua.	
8.	Ia mengandungi satu molekul panjang DNA dan terletak di dalam nukleus.	

O) KROMOSOM MANUSIA

SOALAN		JAWAPAN
1.	Nyatakan bilangan kromosom dalam sel soma manusia.	
2.	Setiap kromosom wujud secara berpasangan mengikut dan yang serupa	1- 2-
3.	Pasangan kromosom yang serupa dikenali sebagai	
4.	Susunan kromosom homolog manusia dipanggil	
5.	Di dalam sel manusia, kromosom dibahagikan kepada dua jenis iaitu dan	1- 2-
6.	Namakan kromosom yang membawa gen yang mengawal sifat seperti warna anak mata.	
7.	Namakan kromosom yang menentukan jantina seseorang.	

P) MITOSIS DAN MEIOSIS

HURAIAN		MITOSIS / MEIOSIS
1.	Proses pembahagian sel yang membentuk sel anak yang seiras .	
2.	Proses pembahagian sel yang membentuk sel anak yang tidak seiras .	
3.	Proses pembahagian sel yang membentuk sel anak yang mengandungi bilangan kromosom yang sama dengan sel induk.	
4.	Proses pembahagian sel yang membentuk sel anak yang mengandungi bilangan kromosom separuh daripada sel induk.	
5.	Proses pembahagian sel yang membentuk empat sel anak .	
6.	Proses pembahagian sel yang membentuk dua sel anak .	
7.	Proses pembahagian sel yang berlaku di dalam sel soma .	
8.	Proses pembahagian sel yang berlaku di dalam organ pembiakan (testis dan ovari).	
9.	Proses pembahagian sel yang membentuk sel anak yang mengandungi kandungan genetik yang sama dengan sel induk.	
10.	Proses pembahagian sel yang membentuk sel anak yang mengandungi kandungan genetik yang berbeza daripada sel induk.	

Q) PERBANDINGAN MITOSIS DAN MEIOSIS (Tuliskan YA atau TIDAK).

	CIRI-CIRI	MITOSIS	MEIOSIS
1.	Berlaku replikasi DNA.		
2.	Merupakan proses pembahagian sel.		
3.	Tempat berlaku.		
4.	Bilangan sel anak dihasilkan.		
5.	Proses Pindah silang.		
6.	Genetik sel anak seiras dengan sel induk.		
7.	Variasi.		
8.	Bilangan sel anak yang terhasil.		